

**PRODUK MAKANAN HALAL: AMALAN KEPENGGUNAAN MASYARAKAT
ISLAM DI SHAH ALAM**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH

**ZAKIAH BT. SAMORI
AMAL HAYATI BT. ISHAK
NURUL HIMMAH BT. KASSAN**

DISEMBER 2011

Tarikh : Disember 2011
No. Fail Projek : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (265/2009)

Prof. Dr. Abu Bakar Bin Abdul Majeed
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA, Malaysia
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof. Dr.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “ PRODUK MAKANAN HALAL: AMALAN
KEPENGUNAAN MASYARAKAT ISLAM DI SHAH ALAM ”**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk **PRODUK MAKANAN HALAL : AMALAN KEPENGUNAAN MASYARAKAT ISLAM DI SHAH ALAM**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ZAKIAH SAMORI

Ketua Projek Penyelidikan

DEKLARASI

Adalah diperakui dengan ini bahawa tiada sebarang bahagian daripada laporan ini pernah diserahkan sebagai penyelidikan kepada mana-mana agensi

AHLI-AHLI KUMPULAN PROJEK

ZAKIAH SAMORI

KETUA PENYELIDIK



.....
Tandatangan

AMAL HAYATI ISHAK


AHLI



.....
Tandatangan

NURUL HIMMAH KASSAN

AHLI



.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan anugerah kesabaran dan ketekunan yang dikurniakan maka kami dapat menyempurnakan penyelidikan ini. Maha Suci Allah yang memberi taufik, hidayah dan inayah.

Setinggi-tinggi penghargaan kami rakamkan kepada semua pihak samada secara langsung mahupun tidak langsung yang telah membantu kami di dalam menjayakan projek ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada PM. Dr. Hj Mohamad Rahimi Osman, Pengarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM, yang banyak memberikan sokongan dan motivasi kepada kami. Tidak lupa juga kami rakamkan ucapan terima kasih kepada pihak RMI UiTM atas panduan yang diberikan dari semasa-kesemasa.

Tidak ketinggalan juga kepada semua para responden yang telah sudi memberikan kerjasama dalam memberikan butiran maklumat asas dan teras. Moga Allah S.W.T. akan membalas usaha murni yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat demi kemajuan umat sejagat dengan ganjaran yang kekal abadi. Amin Ya Rabbal Alamin.

ABSTRAK

Kepentingan aspek halal dalam setiap keperluan seharian pengguna Islam umumnya dan juga produk makanan khususnya mendapat perhatian kerajaan Malaysia. Isu makanan adalah satu perkara yang penting dalam Islam dan mesti dititikberatkan oleh setiap individu Muslim kerana ia melibatkan perkembangan jasmani dan rohani. Kajian ini melihat amalan kepenggunaan Masyarakat Islam di Shah Alam terhadap produk makanan halal. Populasi kajian terdiri daripada masyarakat Islam sekitar Shah Alam. Kajian ini dilengkapi dengan kaedah perpustakaan dan berbentuk tinjauan dengan pengedaran borang soal selidik sebagai medium utama untuk mendapatkan data. Seramai 641 responden telah terlibat dalam menjayakan kajian. Dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden sedar dan prihatin mengenai kepentingan produk makanan halal dengan mengambil langkah tertentu seperti meneliti logo halal yang diiktiraf JAKIM sebelum membuat pembelian. Manakala tahap kefahaman responden terhadap produk halal pula berada pada tahap sederhana kerana mereka belum lagi menguasai terma-terma saintifik yang berkaitan dengan kod-kod kandungan yang diharamkan dalam sesuatu produk. Hasil kajian ini dapat memberi informasi kepada masyarakat Islam supaya mengambil berat tentang sumber makanan halal. Dapatan hasil penyelidikan ini akan dijadikan panduan asas kepada UiTM dan JAKIM bagi mengenal pasti tahap keprihatinan masyarakat Islam terhadap makanan halal dan logo halal serta mengenal pasti kaedah yang sesuai bagi memantapkan lagi kesedaran mereka terhadap produk makanan halal contohnya pangkalan data produk halal.